

09 JUL 1999

MSC-Pusat

DR MAHATHIR LANCAR PUSAT MSC NTT

CYBERJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pusat MSC NTT di sini, sebuah kemudahan penyelidikan dan pembangunan yang akan menggunakan kepakaran teknologi maklumat global dan perhubungan daripada syarikat induknya di Jepun untuk menyokong Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Pemilik pusat itu, NTT MSC Sdn Bhd, adalah anak syarikat milik sepenuhnya NTT Communications Corporation dari Jepun. Corporation adalah anggota penting NTT atau Nippon Telegraph and Telephone, kumpulan gergasi telekomunikasi Jepun.

Pusat itu adalah kemudahan pertama yang berstatus MSC yang memulakan operasi di Cyberjaya.

Pusat MSC NTT, yang dilengkapi makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) tercanggih dan kemudahan moden yang lain, juga merupakan pusat penyelidikan NTT yang pertama di luar Jepun dan Amerika Syarikat.

Kompleks itu dibina di tapak seluas enam hektar yang dimiliki NTT MSC Sdn Bhd, syarikat pertama yang memperolehi status MSC.

Ia menjalankan R&D dengan universiti tempatan dan operator telekom berdasarkan kepada pertaliannya yang erat dengan penyelidik tempatan.

MSC NTT menawarkan perkhidmatan kepada kira-kira 1,500 syarikat Jepun yang beroperasi di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

-- BERNAMA

TM AKD